

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)18

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

18. Mengapakah pencemaran Sungai Kereh akibat pembuangan najis babi masih berlaku walaupun dalam Sidang DUN yang lepas dinyatakan najis babi ini akan dipindahkan ke Valdor untuk diproses menjadi biogas?
- (a) Berapakah jangka masa isu ini benar-benar dapat diselesaikan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Cadangan pemindahan najis babi dari Kampung Selamat ke tapak biogas di Valdor tidak dapat dilaksanakan bagi mengelakkan sebarang risiko penularan penyakit berjangkit yang berkemungkinan dibawa melalui najis, kenderaan atau pekerja yang terlibat dalam proses pemindahan tersebut.

Justeru, pada 1 Disember 2024, Persatuan Penternak Babi Seberang Perai Utara telah menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Syarikat HRB Q Tech Sdn. Bhd. bagi membangunkan sistem *Quantum Thermal Pyrolysis Cracking* di setiap ladang secara

berfasa untuk menangani isu pencemaran yang berlaku di Sungai Kereh.

Susulan itu, satu perjumpaan antara syarikat berkenaan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) serta semua penternak babi di Kampung Selamat telah diadakan pada 17 Disember 2024 bagi mendapatkan maklum balas tentang pelaksanaan sistem rawatan ini.

Projek rintis telah bermula pada Januari 2025 di dua (2) buah ladang iaitu PU006 dan PU015 di mana kerja-kerja pembinaan dan pemasangan sedang dilaksanakan. Pihak JPVPP juga akan menjalankan pemantauan terhadap parameter *Biochemical Oxygen Demand* (BOD) dan *Ammoniacal Nitrogen* (AN) kepada kedua-dua ladang ini selama dua (2) minggu setelah projek rintis ini selesai bagi menilai keberkesanan sistem ini. Sekiranya pemantauan yang dilakukan memberikan hasil positif, projek ini akan diteruskan kepada semua ladang. Pihak JPVPP telah menetapkan tempoh bagi pembangunan sistem tersebut ke atas 61 buah ladang adalah sehingga 1 Jun 2025.

Selain itu, sebagai langkah pematuhan, semua penternak yang enggan menandatangani perjanjian setelah sistem ini terbukti

berkesan akan dikenakan kompaun sebanyak RM15,000.00. Sebaliknya jika sistem tersebut gagal, pihak syarikat akan menanggung kompaun berkenaan.